

Mesej Sepuluh

**Pencipta bagi Satu Manusia Baru,  
yang Merupakan Mahakarya Tuhan**

Bacaan Bible: Kej. 1:26; Ef. 2:14-16; 4:22-24

- I. Hasrat Tuhan mencipta manusia adalah untuk memperoleh satu manusia korporat bagi mengekspresikan-Nya dan mewakili-Nya—Kej. 1:26; Ef. 2:15:**
  - A. Tuhan mencipta manusia menurut imej-Nya sendiri untuk ekspresi-Nya dan memberi manusia dominion-Nya agar manusia dapat mewakili-Nya untuk menanggulangi musuh-Nya—Kej. 1:26.
  - B. Gereja sebagai manusia baru dalam ciptaan baru mempunyai imej Tuhan demi ekspresi Tuhan dan berjuang menentang musuh Tuhan demi kingdom Tuhan—Kol. 3:10-11; Ef. 2:15; 4:24; 6:10-11.
  - C. Apa-apa yang berpecah belah dan terselerak dalam manusia lama dipulihkan dalam manusia baru—Kej. 11:5-9; Kis. 2:5-12; Kol. 3:10-11.
- II. Manusia baru yang merupakan puisi, mahakarya Tuhan dicipta menerusi kematian Kristus dan dalam kebangkitan-Nya—Ef. 2:10, 15-16:**
  - A. Kita perlu memberikan perhatian yang teliti kepada dua frasa dalam ayat 15: *dalam tubuh daging-Nya* dan *dalam diri-Nya*:
    1. “Dalam tubuh daging-Nya” Kristus menamatkan semua hal negatif dalam alam semesta: Syaitan, iblis, musuh Tuhan (Ibr. 2:14); dosa (Roma 8:3; Yoh. 1:29); tubuh daging manusia yang jatuh (Gal. 5:24); dunia, kosmos, sistem jahat Syaitan (Yoh. 12:31); ciptaan lama yang diwakili manusia lama (Roma 6:6); dan ordinan-ordinan hukum yang menjadi pemisah (Ef. 2:15).
    2. “Dalam diri-Nya” sebagai lingkungan, elemen, dan esens, Kristus mencipta orang Yahudi dan bangsa Asing menjadi satu manusia baru:
      - a. Kristus bukan sahaja Pencipta bagi satu manusia baru, iaitu gereja, tetapi juga lingkungan yang dalamnya manusia baru dicipta serta elemen dan esens yang dengannya manusia baru dicipta.
      - b. Kristus ialah elemen dan esens satu manusia baru, dan ini menjadikan sifat divin Tuhan satu entiti dengan keinsanan—bd. Kol. 3:10-11.
  - B. Semasa mencipta manusia baru, mula-mula manusia alamiah kita disalibkan oleh Kristus, kemudian menerusi penyaliban manusia lama, Kristus menyalurkan elemen divin ke dalam kita, agar kita menjadi mahakarya kerja Tuhan, sesuatu yang sama sekali baru dalam alam semesta, yakni rekaan baru Tuhan—Roma 6:6; 2 Kor. 5:17:
    1. Perkataan Yunani untuk *mahakarya* ialah *poiema*, bermakna “sesuatu yang telah ditulis atau dikarang sebagai puisi”.
    2. Bukan sahaja penulisan yang puitis boleh dianggap sebagai puisi, malah sebarang karya seni yang menyatakan kearifan dan rekaan penggubahnya juga dianggap sebagai puisi.
    3. Kita sebagai gereja, iaitu mahakarya kerja Tuhan, ialah puisi yang menyatakan kearifan Tuhan yang tidak terhingga dan rekaan divin Tuhan; gereja ialah pameran kearifan Tuhan tentang segala apanya Kristus—Ef. 3:10-11.
    4. Kristus menjadi kearifan kepada kita daripada Tuhan sebagai tiga perkara penting dalam penyelamatan Tuhan—1 Kor. 1:30:
      - a. Dia keadilbenaran kita (untuk masa lampau kita); melaluinya kita telah dijustifikasikan Tuhan, agar kita dapat dilahirkan semula dalam roh kita untuk menerima hayat divin—Roma 5:18; 8:10.

Mesej Sepuluh (sambungan)

- b. Dia pengudusan kita (untuk masa kini kita); melaluiNya kita sedang dikuduskan dalam sukma kita, iaitu ditransform dalam minda, emosi, dan tekad kita dengan hayat divin-Nya—6:19, 22.
  - c. Dia penebusan kita (untuk masa hadapan kita), iaitu penebusan tubuh kita; melaluiNya tubuh kita akan ditransfigur dengan hayat divin-Nya supaya memiliki rupa bentuk mulia-Nya—8:23; Flp. 3:21.
5. Daripada Tuhan, kita dapat berbahagian dalam penyelamatan yang begitu lengkap dan sempurna, yang menjadikan seluruh diri kita—roh, sukma, dan tubuh—bersatu dengan Kristus secara organik untuk menjadikan Kristus segala-galanya kepada kita dan menjadikan kita pameran kearifan tentang segala apanya Kristus.

**III. Di atas salib, Kristus mencipta manusia baru dalam diri-Nya dengan membatalkan dalam tubuh daging-Nya hukum perintah dalam ordinan, iaitu tembok tengah yang menjadi pemisah—Ef. 2:14b-15a:**

- A. Hukum yang dibicarakan dalam ayat 15 bukan hukum perintah moral tetapi hukum perintah ritual, seperti ordinan berkenaan penyunatan, pematuhan hari Sabat, dan peraturan makanan tertentu.
- B. Ordinan ialah bentuk atau cara bagi kehidupan dan penyembahan; ini mewujudkan permusuhan dan perpecahan:
  - 1. Di atas salib, Kristus membatalkan semua regulasi berkenaan kehidupan dan penyembahan, iaitu regulasi yang memecahbelahkan bangsa-bangsa—ay. 15; Kol. 2:14.
  - 2. Sejak masa Babel, bangsa manusia telah dipecahbelahkan oleh ordinan berkenaan cara hidup dan penyembahan; dalam ekonomi Tuhan dalam kehidupan gereja, kita harus jayeng atas Babel—Kej. 11:1-9:
    - a. Kristus harus menjadi satu-satunya sumber kita; kita tidak harus membenarkan apa-apa daripada latar belakang, budaya, atau warganegara kita menjadi sumber kita—bd. Kol. 3:10-11.
    - b. Orang duniawi menganggap perbezaan budaya sebagai sumber yang berprestij, tetapi dalam Kristus kita telah menanggalkan prestij ini; satu-satunya prestij kita sekarang ialah Kristus dan kesatuan sejati.
    - c. Jika kita rela melepaskan rasa bangga akan budaya kita, Tuan akan dapat memperoleh kehidupan gereja yang wajar—Ef. 4:22-24.

**IV. Demi satu manusia baru dan dalam satu manusia baru, kita perlu membenarkan damai sejahtera Kristus menimbang tara dalam hati kita—2:14a, 15b; Kol. 3:12-15; 2:14-18; Roma 5:1; Mat. 18:21-35:**

- A. Istilah Yunani untuk *menimbang tara* juga boleh diterjemahkan sebagai “mengadili, mempengerusi, dan ditabalkan sebagai pemerintah dan pembuat keputusan atas segala-galanya”; damai sejahtera Kristus yang menjadi timbang tara dalam hati kita melenyapkan aduan kita terhadap mana-mana orang—Kol. 3:13-15.
- B. Sering kali kita mendapati bahawa terdapat tiga pihak dalam kita: satu pihak yang bersifat positif, satu pihak yang bersifat negatif, dan satu pihak yang bersifat neutral; oleh itu, kita memerlukan penimbang tara dalaman untuk meredakan pertikaian dalam kita:
  - 1. Bila-bila sahaja kita merasai pihak-pihak yang berlainan dalam diri kita sedang bertikai atau berkelahi, kita perlu memberi ruang kepada damai sejahtera Kristus yang menimbang tara dan membenarkan damai sejahtera ini,

Mesej Sepuluh (sambungan)

iaitu kesatuan manusia baru, memerintah dalam kita dan memberikan kata pemutus.

2. Kita perlu mengetepikan pendapat kita, konsep kita, dan mendengar sabda Pengadil yang huni secara dalaman.
- C. Jika kita membenarkan damai sejahtera Kristus menimbang tara dalam hati kita, damai sejahtera ini akan menyelesaikan semua pertikaian dalam kalangan kita; kita akan mempunyai damai sejahtera dengan Tuhan secara menegak dan dengan para pekudus secara mendatar:
  1. Menerusi damai sejahtera Kristus yang menimbang tara, masalah kita terselesaikan, dan perselisihan antara pekudus lesap; dengan itu, kehidupan gereja terpelihara dalam kemanisan, dan manusia baru dikekalkan dengan cara yang praktikal.
  2. Damai sejahtera Kristus yang menimbang tara ialah Kristus bekerja dalam kita untuk melaksanakan pemerintahan-Nya ke atas kita, untuk membicarakan kata terakhir, dan untuk membuat keputusan muktamad—bd. Yes. 9:6-7.
  3. Sekiranya kita kekal berada di bawah pemerintahan damai sejahtera Kristus yang ditabalkan, kita tidak akan menyinggung perasaan orang lain atau merosakkan mereka; sebaliknya, melalui kurnia Tuan dan dengan damai sejahtera-Nya, kita akan meministerkan hayat kepada orang lain.
  4. Damai sejahtera ini seharusnya mengikat semua percayawan bersama dan menjadi pengikatpaduan—Ef. 4:3.

**V. Dalam satu manusia baru, Kristus ialah semua anggota dan berada dalam semua anggota—Kol. 3:10-11:**

- A. Kristus yang huni dalam kita ialah konstituen satu manusia baru—1:27; 3:11:
  1. Oleh sebab Kristus ialah semua anggota manusia baru, maka tidak ada kemungkinan, tidak ada ruang, bagi orang alamiah (mana-mana kaum, kewarganegaraan, budaya, atau taraf sosial) dalam manusia baru—ay. 10-11.
  2. Tidak kira kita orang jenis apa, dalam hal berkenaan satu manusia baru, kita semua tidak terbilang apa-apa.
  3. Dalam satu manusia baru hanya terdapat satu persona—Kristus almuhit—2:17; 3:4, 11.
- B. Demi manusia baru, kita semua perlu mengambil Kristus sebagai persona kita—Ef. 2:15; 3:17a:
  1. Sebagai Tubuh Kristus, gereja memerlukan Kristus sebagai hayatnya; sebagai satu manusia baru, gereja memerlukan Kristus sebagai personanya.
  2. Kristus berada dalam kita semua sebagai satu persona; oleh yang demikian, kita semua hanya mempunyai satu persona—Gal. 2:20; Ef. 3:17a.
  3. Demi kewujudan praktikal satu manusia baru, seluruh persona manusia lama harus ditanggalkan, dan kita harus hidup melalui manusia baru kita—Roma 6:6; Gal. 2:20; Ef. 4:22-24; 3:17a:
    - a. Kita perlu menjalani kehidupan dalam manusia baru dengan mengambil Kristus sebagai persona kita, dengan mempunyai Dia sebagai Yang membuat segala keputusan dalam kita.
    - b. Sebaik sahaja kita melihat bahawa kita sebahagian daripada satu manusia baru, kita tidak akan dapat memutuskan perkara hanya melalui diri kita.

Mesej Sepuluh (sambungan)

- c. Kita perlu melihat bahawa kita ialah satu Tubuh korporat serta satu manusia baru korporat dan bahawa kehidupan kita (persona) serta pergerakan kita (hayat) adalah korporat—1 Kor. 12:12; Roma 12:4-5.
- 4. Kita perlu melihat *satu manusia baru* dalam Efesus 2:15 bersama dengan *satu mulut* dalam Roma 15:6 dan *membicarakan hal yang sama* dalam 1 Korintus 1:10:
  - a. Pada masa lalu terdapat terlalu banyak mulut kerana terdapat terlalu banyak persona.
  - b. *Dengan sehati sejiwa* dan *dengan satu mulut* (Roma 15:6) bermaksud bahawa meskipun kita banyak dan semua orang berbicara, namun kita semua “membicarakan hal yang sama” (1 Kor. 1:10).
  - c. Walaupun kita adalah banyak dan berasal dari banyak tempat, namun kita semua mempunyai satu mulut, dan kita semua membicarakan hal yang sama; hal ini kerana kita semua ialah satu manusia baru yang hanya mempunyai satu persona—Ef. 2:15; 4:22-24; 3:17a; Roma 15:6; 1 Kor. 1:10.